

PENERIMAAN DAN KEKUATAN DOKUMEN ELEKTRONIK DALAM PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

*(Acceptance and Strength of Electronic Documents as Proof in Malaysian
Syariah Courts)*

Wan Abdul Fattah Wan Ismail
wanfattah@usim.edu.my

Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Universiti Sains Islam Malaysia.

Abstrak

Makalah ini membincangkan kekuatan dan kebolehterimaan dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian di mahkamah syariah di Malaysia. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dan soal selidik terhadap responden bagi meninjau persepsi mereka terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik sebagai bukti di mahkamah syariah. Persepsi responden yang paling tinggi adalah terhadap keperluan mewujudkan Prosedur Operasi Standard untuk tujuan pengesahan sesuatu dokumen. Selain pendedahan dan latihan, usaha sama perlu dijalinan dengan agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang dokumen elektronik bagi memantapkan pengetahuan dan sekali gus menjadikan mahkamah syariah sebuah badan yang dihormati dan disegani.

Kata kunci: dokumen, elektronik, mahkamah syariah, kaedah pembuktian

Abstract

This article discusses the extent of the power and admissibility of electronic documents as a means of proof in Syariah courts in Malaysia. This study uses a quantitative approach. A questionnaire was given to respondents to determine how they perceived the admissibility of electronic documents as evidence in court. The respondents were staff of the Syariah courts and legal practitioners. In the respondents' perception, there is an urgent need to establish standard operating procedures (SOPs) for the verification of documents. At the same time, practitioners of Shariah law should be given adequate exposure and training related to electronic documents. Syariah

courts should create joint ventures with agencies that have expertise in the field of electronic documents in order to improve their knowledge and thus make the Syariah court a respected body.

Keywords: document, electronic, Syariah court, methods of proof

PENDAHULUAN

Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur telah mengesahkan dan mensabitkan perceraian pasangan suami isteri yang dilafazkan melalui Sistem Mesej Singkat (SMS). Sistem Mesej Singkat yang dihantar oleh Shamsudin Latif kepada bekas isterinya, Azida Fazlina Abdul Latif tertera, “Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga”. Lafaz tersebut telah dihantar pada pukul 10.04 pagi 18 April 2007. Ketika menerima SMS, Azida berada di rumah keluarganya dan dia hanya membacanya pada pukul 8.00 malam apabila telefon bimbitnya dipasang. Hakim Syarie Mohamad Fauzi Ismail semasa membuat keputusan berkata, lafaz taklik cerai itu sah dan sabit, serta gugur talak tiga terhadap Azida. Beliau juga memerintahkan Azida beredah selama tiga kali suci bermula dari tarikh SMS itu diterima.¹ Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia yang telah bersidang kali ke-55 pada 27 Julai 2003 telah memutuskan perceraian secara elektronik, termasuklah melalui SMS sah sekiranya disertakan dengan niat.²

Sekiranya hakim mahkamah syariah telah membuat pengesahan, maka perceraian melalui SMS dianggap sebagai perceraian melalui dokumen seperti yang diperuntukan dalam seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Dokumen merupakan kaedah pembuktian terpenting pada zaman ini sama ada di mahkamah syariah atau mahkamah sivil. Ciri dokumen yang kekal meskipun telah menjangkau masa yang lama tetap menjadi pilihan sebagai bahan bukti dalam banyak urusan. Kini, perkembangan teknologi maklumat telah mencapai suatu tahap yang memberikan pengaruh besar dalam kehidupan manusia. Dengan perkembangan sains dan teknologi, skop dokumen juga semakin meluas. Dokumen tidak lagi terbatas kepada bahan bercetak atau sesuatu yang tercatat semata-mata, bahkan dokumen elektronik seperti Sistem Televisyen Litar Tertutup (*Closed Circuit Television System (CCTV)*), rakaman foto,

1 Tarmizi Abdul Rahim, “Cerai menerusi SMS Sah” melalui <http://kes2syariah.blogspot.co.uk/2014/05/cerai-menerusi-sms-sah.html> (Capaian pada 24 Julai 2007).

2 Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), 2008. *Talak dan Prosedur Perceraian*. Kuala Lumpur: Visual Print Sdn. Bhd.

video digital, penggunaan disket, cakera padat dan internet juga termasuk dalam definisi dokumen.³

Dokumen boleh ditakrifkan sebagai “menjelaskan atau menyifatkan sesuatu dengan menggunakan tulisan, lakaran atau salinan yang berbentuk zahir sama ada secara klasik seperti menggunakan kertas, kayu, dan seumpamanya atau secara elektronik seperti penggunaan disket, cakera padat, internet, dan seumpamanya” seperti yang terkandung dalam seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

Namun, menurut mazhab Hanafi, Maliki dan sesetengah pengikut mazhab Syafie dan Hambali, dokumen tidak boleh dijadikan sebagai salah satu kaedah pembuktian. Jumhur ulama menegaskan bahawa dokumen seperti tulisan, tandatangan, dan seumpamanya yang hampir sama antara satu dengan yang lain secara tidak langsung berkemungkinan akan terdedah kepada pemalsuan. Walau bagaimanapun, Ibn Qayyim, Ibn Farhun, dan lain-lain merupakan antara ulama yang bersungguh-sungguh menzahirkan kekuatan dokumen sebagai pembuktian kerana lebih sesuai dan praktikal mengikut zaman.⁴ Dengan berlakunya perubahan masa dan kemudahan yang begitu ketara sekali, dokumen seperti kertas atau alat tulis lain sama ada dalam bentuk tradisional atau elektronik menjadi bahan rujukan utama dalam setiap urusan. Kini, dokumen berbentuk elektronik telah mula mendapat tempat bagi menggantikan dokumen cara lama yang banyak bergantung pada kertas, pen, dan seumpamanya. Di Barat, dokumen elektronik digunakan secara meluas sama ada berkaitan dengan jual beli, perbankan dan urusan lain. Malaysia juga tidak ketinggalan menggunakan kemudahan elektronik dalam banyak urusan sama ada di sektor awam atau swasta. Masyarakat juga telah mula menerima kemudahan dokumen secara elektronik dalam urusan mereka seperti pembayaran bil, pemindahan wang, permohonan kerja, dan lain-lain lagi kerana lebih pantas dan menjimatkan masa.

Kajian Mohamad Ismail⁵ menjelaskan betapa pentingnya penggunaan dokumen elektronik dalam situasi semasa sebagai bahan bukti dan prinsipnya. Beliau turut membincangkan kedudukan bahan bukti elektronik dan digital,

3 al-Zanibat, Ghaziyy al-Mubarak, 2005. *Al-Khibrah al-Fanniyyah fii Ithbat al-Tazwiir fii al-Mustanadat al-Khatiyyah Fannan wa Qanunan*. Amman: Dar al-Thaqafah.

4 al-Syiraziyy, Abū Ishaq Ibrāhīm ibn Ali, 1995. *Al-Muhazzab fī al-Fiqh al-Imām al-Syāfī*. Juzuk 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm.401; Ibn Farhūn, Muhammad, 1995. *Tasbīrah al-hukkām*. Juzuk 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm.304; Ibn Qayyim, 1991. ‘Alām al-Muaqī’in ‘an Rabbi al-‘Ālamīn. Juzuk 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 204; dan Ibn Qudāmah, 1996. *al-Mughni*. Juzuk 13. al-Qāherah: Dār al-Hadīth, hlm. 605.

5 Mohamad Ismail Hj. Mohamad Yunus, “Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik dan Digital dalam Keterangan: Masalah dan Cabaran Masa Kini” dlm. *The Journal of Malaysian BAR (INSAF)* XXXV:1, 2006.

serta amalannya di mahkamah sivil. Sementara itu, Abu al-‘Az⁶ menjelaskan teori dan konsep transaksi perniagaan elektronik dari segi hukum, syarat, dan sebagainya berasaskan nas syarak. Namun, penerangannya hanya menjurus kepada pelaksanaan dokumen elektronik dan syaratnya tanpa menyentuh amalannya dari sudut perundangan.

Fattah⁷ turut membincangkan dokumen sebagai kaedah pembuktian dalam kes muamalat dan amalan di mahkamah sivil. Contoh kes yang dikemukakan pernah dipraktikkan di mahkamah sivil di Malaysia. Dalam kajian lain, Fattah⁸ menjelaskan kaedah pengesahan dokumen urus niaga secara elektronik berdasarkan fikah dan amalan undang-undang keterangan Islam di Malaysia. Sesuatu dokumen elektronik dalam urus niaga hanya akan diterima sebagai bahan bukti setelah melalui proses saringan yang ketat terlebih dahulu. Kaedah saringan yang digunakan adalah dengan melalui kesaksian, pengakuan, pandangan pakar dan sumpah. Walau bagaimanapun, kaedah yang paling banyak digunakan untuk membuat pengesahan sesuatu dokumen elektronik adalah dengan menggunakan khidmat pakar.

Berdasarkan perbincangan, didapati kebanyakan sarjana menjelaskan konsep dokumen biasa dan dokumen elektronik dari segi teori dan tidak memfokuskan kebolehterimaan dokumen elektronik dalam pembuktian di mahkamah syariah di Malaysia. Oleh itu, makalah ini akan membincangkan kekuatan dan persepsi masyarakat terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik sebagai bukti di mahkamah syariah di Malaysia.

DOKUMEN ELEKTRONIK SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN MENURUT FIKAH DAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN DI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA

Dokumen elektronik boleh dianggap sebagai salah satu kaedah pembuktian yang agak baharu berbanding dengan kaedah pembuktian lain, khususnya di mahkamah syariah. Hukum penggunaannya tidak dijelaskan secara khusus dalam mana-mana kitab fikah. Walau bagaimanapun, Ibn Taimiyyah dan Ibn Qayyim pernah menyatakan “setiap apa-apa sahaja yang dapat menjelaskan dan menzahirkan kebenaran dinamakan sebagai keterangan”, maka, dokumen

6 Abu al-‘Az, Ali Muhammad Ahmad, 2008. *Al-Tijarah al-Elektroniyyan wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Amman: Dar al-Nafa’is.

7 Wan Abdul Fattah Wan Ismail, “Kaedah Pembuktian melalui Kitabah Elektronik di Mahkamah Syariah” dlm. *Jurnal Hukum* 33:2, 2011.

8 Wan Abdul Fattah, Raja Raziff dan Norma, “Pengesahan Keaslian Dokumen Urus Niaga Elektronik Menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia” dlm. *Jurnal Muamalat* 6, 2013.

elektronik tergolong dalam definisi ini.⁹ Dokumen elektronik boleh dianggap sebagai sebahagian daripada kaedah pembuktian kerana dapat menjelaskan dan menzahirkan kebenaran, serta membantu hakim membuat keputusan yang telus dan adil.

Dokumen elektronik boleh ditakrifkan sebagai:

Nota atau dokumen yang dibuat, disimpan atau diekstrak, disalin atau dihantar atau diterima atau dijadikan sebagai alat komunikasi dengan cara elektronik melalui peralatan elektronik lain, dapat difahami dan dilihat dengan jelas.¹⁰

Seksyen 1 (a) Akta Tandatanganan Elektronik Mesir 2004 menyatakan bahawa dokumen elektronik sebagai:

Semua huruf, nombor atau simbol atau tanda lain yang digambarkan pada paparan elektronik atau digital atau cara lain yang seumpamanya, serta memberikan isyarat yang jelas dan dapat difahami.

Dokumen elektronik juga ditakrifkan sebagai:

Sebarang bentuk maklumat probatif yang disimpan atau direkodkan atau disalurkan dalam bentuk elektronik dan bahan tersebut boleh dikemukakan di mahkamah sebagai bahan bukti untuk menyokong atau menyangkal dakwaan". Sumber bahan bukti elektronik dan digital adalah seperti cip Penyepaduan Skala Sangat Besar (*Very Large Scale Integration (VLSI)*), *Software Design Description (SDD)*, cakera digital (*hard disk*), telefon selular, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, kad *SDD*, alat pengimbas, cakera padat (*Compact Disc (CD)*), cakera video digital (*Digital Video Disc (DVD)*), cakera padat video (*Video Compact Disc (VCD)*), rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi (*Common Gateway Interface (CGI)*).¹¹

Dari segi amalan di mahkamah syariah, tidak terdapat akta khusus tentang dokumen elektronik. Keadaan ini berbeza di mahkamah sivil

9 Ibn Taimiyyah, Ahmad, 2001. *Majmu'ah al-Fatawa*. Juzuk 7. Al-Mansurah: Dar al-Wafa', hlm. 234 dan Ibn Qayyim, 1996. *A'lam al-Muqa' in 'an Rabb al-'Alamin*. Juzuk 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 71.

10 Muhammad Fawwaz, 2008. *Al-Wajiz fii al-Uqud al-Tijarah al-Eltroniyyah*. 'Amman: Dar al-Thaqafah, hlm. 204.

11 Mohamad Ismail Haji Mohamad Yunus, "Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik dan Digital dalam Keterangan: Masalah dan Cabaran Masa Kini" dlm. *The Journal of Malaysian BAR (INSAF)* XXXV:1, hlm. 3, 2006.

kerana terdapat akta yang berkaitan dengan dokumen elektronik, misalnya Akta Tandatangani Digital 1997 dan Akta Perdagangan Elektronik 2006. Walau bagaimanapun, perkataan “elektronik” ada dinyatakan secara umum dalam seksyen 3(c) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 ketika memberikan maksud dokumen. Dalam seksyen ini, rakaman elektronik, dedenyut elektronik, dan seumpamanya termasuk dalam definisi dokumen. Skop maksud dokumen seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3(c) Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 diambil daripada seksyen 3 Akta Keterangan 1950 yang diamalkan di mahkamah sivil.

Maksud dokumen “merangkumi sebarang bentuk perkara yang menerangkan atau menghuraikan sesuatu sama ada berbentuk abjad, angka atau tanda atau gabungan satu atau lebih bentuk yang dinyatakan yang boleh digunakan untuk merekodkan perkara tersebut”. Begitu juga dalam bentuk ilustrasi, perkataan yang dicetak, litograf atau fotograf merupakan dokumen seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Maka, dapat dirumuskan bahawa perkataan “menerangkan atau menghuraikan sesuatu” tidak terhad kepada proses manual, malahan dapat diinterpretasikan sebagai penerangan atau penghuraian yang berbentuk automatik, elektronik dan digital. Selain itu, seksyen 49 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 secara jelas menganggap “sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer ialah keterangan primer”. Seksyen ini dapat menguatkan lagi dakwaan bahawa mahkamah syariah telah menerima dokumen elektronik sebagai salah satu daripada kaedah pembuktian.

Meskipun makalah ini membincangkan amalan di mahkamah syariah, pengalaman di mahkamah sivil amat baik dijadikan rujukan. Good J dalam kes *Munah bte Ali lwn PP*¹² memutuskan bahawa rakaman video yang melibatkan proses boleh dikategorikan sebagai dokumen menurut takrifan seksyen 3 Akta Keterangan 1950. Selari dengan pembangunan sains dan teknologi, dan perkembangan era globalisasi, istilah dokumen harus diperluas dengan memasukkan bahan berbentuk elektronik dan digital dalam skop interpretasinya.¹³

12 [1958] 1 MLJ 159.

13 Mohamad Ismail Hj. Mohamad Yunus, “Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik dan Digital dalam Keterangan: Masalah dan Cabaran Masa Kini” dlm. *The Journal of Malaysian BAR (INSAF)* XXXV:1, hlm. 4, 2006; dan Wan Abdul Fattah, Raja Raziff dan Norma, “Pengesahan Keaslian Dokumen Urus Niaga Elektronik Menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia” dlm. *Jurnal Muamalat* 6, hlm. 1, 2013.

Begitu juga dalam kes *pendakwa raya lwn Jawan Empaling*¹⁴ dan *pendakwa raya lwn Datuk Haji Sahar Arpan*.¹⁵ Mahkamah berpendapat salinan faksimile dan mikrofilem tergolong dalam kategori dokumen seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan 1950. Manakala, dalam kes *Mohd Ali Jaafar lwn Public Prosecutor*,¹⁶ mahkamah telah mensabitkan dakwaan rasuah terhadap tertuduh melalui pita rakaman. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggunakan pita rakaman perbualan tertuduh sebagai bukti bagi mensabitkan dakwaan. Setelah meneliti pengesahan kesahihan pita rakaman tersebut, mahkamah telah menerima pita rakaman sebagai bahan bukti bagi mensabitkan dakwaan rasuah terhadap tertuduh kerana pita rakaman suara juga dianggap sebagai dokumen.¹⁷

Menurut Augustine Paul, pita rakaman boleh dijadikan bahan bukti di mahkamah sekiranya telah melalui prosedur, iaitu telah melalui pemeriksaan yang terperinci dan yakin pita tersebut tidak diubah daripada yang asal, serta alat rakaman yang digunakan masih dalam keadaan baik dan boleh digunakan dengan sempurna. Selain itu, pihak yang mengemukakan pita rakaman hendaklah mengulangi rakaman tersebut bagi mengenal pasti pihak yang terlibat dalam rakaman tersebut, menyalin rakaman tersebut untuk dikemukakan kepada mahkamah, dan lain-lain lagi.¹⁸

Berdasarkan kes yang dibicarakan di mahkamah sivil, dokumen diberikan bermaksud yang luas. Dokumen tidak hanya terhad kepada bentuk manual semata-mata, bahkan bentuk elektronik juga dikategorikan sebagai dokumen. Walau bagaimanapun, yang paling penting dokumen elektronik tersebut hendaklah jelas dan dapat dibaca sama ada dapat terus dibaca atau terpaksa menggunakan peralatan tertentu untuk membacanya seperti pemacu pena (*pen drive*) atau cakera padat, dan lain-lain.

PENSYARIATAN DOKUMEN ELEKTRONIK SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN

Sebenarnya tidak terdapat nas khusus yang mengiktiraf dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian. Namun, pensyariatian dokumen elektronik dapat

14 [1996] 2 CLJ.

15 [2007] 1 AMR.

16 [1998] 4 MLJ.

17 Jal Zabdi Mohd. Yusoff, 2008. *Pengenalan Undang-undang Keterangan di Malaysia*. Penerbitan Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 157.

18 Augustine Paul, 2010. *Evidence: Practie and Procedure*. LexisNexis Malaysia, Selangor, hlm. 158.

dikiaskan kepada dalil pensyariatan dokumen secara manual. Pandangan ulama terhadap penerimaan dokumen, termasuk dokumen elektronik dibahagikan kepada dua pandangan.¹⁹ Juhur ulama yang terdiri daripada Hanafi, Maliki dan sesetengah pengikut Syafi'i dan Hambali menolak penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian.²⁰ Penolakan juhur terhadap dokumen sebagai kaedah pembuktian adalah berdasarkan hujah bahawa dokumen mudah terdedah kepada pemalsuan.

Menurut mazhab Maliki, sesetengah riwayat Ahmad dan ulama mutakhir pula, dokumen sebenarnya merupakan salah satu kaedah pembuktian yang dibenarkan syarak.²¹ Setelah pengamatan dibuat, pendapat golongan ini lebih tepat kerana kekuatan hujah yang dikemukakan. Firman Allah SWT:

*“Wahai orang-orang yang beriman! apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang-piutang yang diberikan tempoh hingga ke suatu masa tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu.”*²²

(Surah al-Baqarah 2:282)

Menerusi ayat ini, Allah SWT secara jelas menyebut perintah mendokumentasikan (menulis). Sekiranya dokumen tidak dapat dijadikan sebagai salah satu kaedah pembuktian, sudah tentu Allah tidak memerintahkan pendokumentasian apabila transaksi hutang dibuat. Sabda Rasulullah SAW:

*“Tidak berhak seorang Muslim yang memiliki sesuatu untuk diwasiatkan dan dia masih mempunyai kesempatan hidup selama dua malam, melainkan hendaklah dia mempunyai wasiat yang ditulis.”*²³

Hadis tersebut menunjukkan bahawa Rasulullah SAW menyuruh umatnya menulis wasiat. Jika penulisan wasiat tidak penting dan tidak berfaedah, maka sudah tentulah Rasulullah SAW tidak akan menggesa umatnya berbuat

19 al-Zuhaily, Muhammad, 1994. *Wasā' il al-Ithbāt fi al-Syari'ah al-Islāmiyyah wa Mu' amālāt al-Madaniyyah wa al-Awāl al-Syakhyyah*. Juzuk 2. Al-Riyadh: Maktabah al-Mu' ayyad, hlm. 423.

20 al-Syīraziyy, 1995. Juzuk 3, hlm. 401; Ibn Farhūn, 1995. Juzuk 1, hlm. 304; Ibn Qayyim, 1991. Juzuk 2, hlm. 204; dan Ibn Qudāmah, 1996. Juzuk 13, hlm. 605.

21 Ibn Farhūn, Juzuk 1, hlm. 303; Ibn Qayyim, Mohammad Abi Bakar, 2002. *Al-Turuq al-Hukmiyyah*. Al-Qaherah: Dar al-Hadith, hlm. 173; Ibn Muflih, Muhammad, 2003. *Kitab al-Furu'*. Juzuk 11. Beirut: Mu' asasah al-Risalah, hlm. 227; dan Ibn Nujaim, Zainuddin ibn Ibrahim ibn Muḥammad, 2002. *Al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kunz al-Daqa'i*. Juzuk 7. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy, hlm. 5.

22 *Surah al-Baqarah 2:282*.

23 Muslim, Ibn al-Hujaj al-Qushairiy al-Nisaburiy, 1997. *Sahih Muslim*. Juzuk 11. Al-Qaherah: Dar al-Hadith, hlm. 77.

demikian.²⁴ Dalam hadis lain, Rasulullah SAW mengutuskan surat kepada raja, termasuk di Rom dan Parsi yang bertujuan menyeru mereka untuk menerima Islam. Ada antara hadis yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW menurunkan cap rasmi kerajaan kerana sesetengah kerajaan tidak akan melayan mana-mana surat yang tiada cap rasmi seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik r.a.²⁵

Kaedah fikah ada menyebut *al-Kitabah kalkhitab* yang bermaksud “dokumen sama dengan lafaz (dalam menzahirkan kehendak dan niat di hati)”²⁶ Begitu juga pepatah Arab ada menyebut, “tulisan merupakan salah satu daripada dua lidah manusia”. Oleh itu, ternyatalah dokumen boleh dijadikan hujah dalam pembuktian. Kesemua hujah ini sebenarnya secara tidak langsung mengiktiraf dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian dalam perundangan Islam.

SEJAUH MANAKAH PERSEDIAAN MAHKAMAH SYARIAH MENGENDALIKAN KES YANG BERKAITAN DENGAN KETERANGAN ELEKTRONIK

Penjajahan British telah meninggalkan kesan kepada sistem pentadbiran di Tanah Melayu. Di bawah pemerintahan British, bidang kuasa pemerintahan negara telah dipisahkan daripada agama. Kesannya, sehingga kini, undang-undang Islam hanya kekal untuk mentadbir urusan perkahwinan, perceraian, pembahagian harta pusaka dan pewarisan, amalan agama, serta hal yang berkaitan dengan agama. Manakala, undang-undang komersial, kontrak, termasuk pengurusan perniagaan Islam atau muamalat dan perbankan Islam terletak di bawah bidang kuasa sivil. Selepas kemerdekaan, perundangan Islam berkembang secara beransur-ansur.²⁷

Pindaan perkara 121 Perlembagaan Persekutuan yang dibuat di bawah Akta Pindaan Perlembagaan 1988 (Akta A704) menyatakan bahawa

24 al-Bukhari, Abu ‘Abdullah Muhammad Ibn Isma‘il, 1992. *Sahih al-Bukhari. Kitab al-Syhadah*. Juzuk 3. Beirut: Dar al-Fikr wa al-Yamamah, hlm. 10; dan al-Mawardi, Ali bin Muhammad bin Habib, 1982. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Al-Qaherah: Musatafa al-Halabiy, hlm. 92.

25 al-Zarqa’, Mustafa Ahmad, 2007. *Syarh al-Qawa‘id al-Fiqhiyyah*. Dimasyq: Dar al-Qalam, hlm. 349.

26 Ibn ‘Abidin, 1995. *Hasyiah Radd al-Mukhtar ala al-Dur al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*. Juzuk 5. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 582; al-Bahutiy, Mansur bin Yunus, 2000. *Kasyaf al-Qina’*. Juzuk 6. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabiy, hlm. 387; dan ibn Qayyim, hlm. 174.

27 Zaini Nasohah, 2004. *Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas Sdn. Bhd., hlm. 62.

mahkamah yang disebut dalam fasal (1) tidaklah mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa mahkamah syariah. Oleh itu, kedudukan semasa mahkamah syariah jauh lebih baik daripada zaman penjajahan. Mahkamah syariah perlu disusun semula dan diberikan kuasa yang lebih besar dan menyeluruh.²⁸ Bidang kuasa mahkamah syariah perlu ditambah baik, termasuklah untuk mengendalikannya kes keterangan elektronik seperti yang dilaksanakan dalam sistem perbankan Islam pada hari ini.

Namun, setakat ini, tiada usaha serius dibuat untuk membawa kes yang melibatkan perbankan Islam ke mahkamah syariah, termasuk kes yang berkaitan dengan dokumen elektronik seperti yang dilaksanakan dalam sistem perbankan Islam. Alasannya, penghakiman akan melibatkan bidang kuasa persekutuan, terutama apabila terdapat salah satu pihak yang bukan beragama Islam. Kesannya, kes ini akan diadili oleh hakim di mahkamah sivil. Persoalannya, adakah hakim di mahkamah sivil mempunyai kepakaran untuk menyelesaikan isu berhubung dengan prinsip Islam dan perbankan Islam? Sudah tentu hakim tersebut tidak mempunyai keupayaan kerana mereka bukanlah pakar dalam undang-undang Islam. Oleh itu, dicadangkan agar sebuah tribunal dibentuk untuk mengendalikannya kes yang melibatkan perbankan Islam yang dipengerusikan oleh hakim mahkamah sivil dan dibantu oleh pakar undang-undang Islam sebagai ahli.²⁹

Sememangnya tidak dinafikan bahawa penguasaan pengamal undang-undang sivil tentang dokumen elektronik lebih ke hadapan berbanding dengan mahkamah syariah. Keadaan ini bukan bermakna pengamal undang-undang mahkamah syariah menolak pembuktian melalui keterangan elektronik. Keadaan ini berlaku disebabkan mereka jarang-jarang didedahkan dengan kes yang berkaitan dengan dokumen elektronik, meskipun penggunaannya sangat meluas pada hari ini. Kenyataan ini berdasarkan kes tuntutan yang berlaku antara *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*³⁰ di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Plaintif seorang warganegara Singapura, manakala defendan merupakan warganegara Malaysia. Mereka berkahwin di London pada 17 September 1994 dan kemudian bernikah semula di Singapura pada 26 Jun 1995. Walau bagaimanapun, rumah tangga mereka hanya dapat

28 Abdul Monir Yaacob, 1995. *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, hlm. 1.

29 Ahmad Hidayat Buang, 1998. *Muamalat Islam di Mahkamah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya, hlm. 61.

30 [1426H] *JH* xx:i.

bertahan selama tiga tahun sahaja. Perkahwinan mereka dibubarkan melalui perceraian di luar mahkamah dan telah disahkan di Mahkamah Rendah Syariah Petaling Jaya. Dalam kes ini, hakim YAA Dato' Haji Zohdi bin Haji Toha meluluskan permohonan plaintif dan menyatakan:

Saya bersetuju dengan hujah peguam syarie pihak plaintif meskipun pihak plaintif tidak dapat mengemukakan saksinya untuk menyokong dakwaannya atau tuntutan, namun beliau berjaya mengemukakan *qarinah* yang boleh diterima oleh mahkamah ini, iaitu resit atau cek sebagai dokumen dan wang bayaran balik.

“... Penghakiman dengan *qarinah* merupakan sumber hukum syarie sama ada ketika ada keterangan atau pengakuan atau dalam keadaan tidak ada apa-apa bukti lain ...”

(Dato' Aria Diraja Dato' Haji Daud bin Muhamad, 2002:1–11)

Namun, pada 4 April 2005, defendan telah membuat rayuan. Hakim rayuan pada ketika itu terdiri daripada Datuk Syeikh Ghazali, Datuk Abu Naim bin Haji Ihsan dan Dato' Ibrahim bin Lembut. Setelah mendengar rayuan dan hujah daripada pihak perayu, hakim rayuan menerima rayuan tersebut dan meminta penghakiman dibuat semula dengan mengemukakan saksi. Penghakiman perlu dibuat semula kerana pihak plaintif hendaklah mengemukakan saksi untuk menguatkan keterangannya. Kenyataan ini bersandarkan seksyen 94–99 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 1991, iaitu pihak pendakwa hendaklah mengemukakan saksi dalam pendakwaan mereka. Hakim yang mengendalikan kes ini tidak merujuk kes *al-Kindi* dan *Hadrami* sebelum memutuskan penghakimannya”. Penghakiman yang dibuat oleh Dato' Zohdi bin Haji Toha, Ketua Hakim Mahkamah Syariah Negeri Selangor lebih tepat dan memenuhi kehendak syarak kerana menggariskan secara umum tentang dokumen.

Hakim rayuan juga didapati tidak merujuk seksyen 49 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 tentang keterangan primer yang menyatakan bahawa “*Primary evidence means the document itself produced for the inspection of the Court: Explanation 3—A document produced by a computer is primary evidence*”. Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa dokumen elektronik sudah memadai untuk dijadikan kaedah pembuktian tanpa memerlukan keterangan saksi seperti yang diminta oleh hakim rayuan.

Selain itu, dalam kes ini, hakim rayuan juga terlepas pandang atau kurang memahami konsep dan pelaksanaan dokumen elektronik. Setiap proses penyimpanan, pengeluaran dan penghantaran duit sama ada secara dalam talian (*online*) atau melalui cek seperti dalam kes ini, kesemua datanya tersimpan dalam sistem atau dinamakan sebagai dokumen elektronik. Bahkan, keterangan dengan dokumen elektronik lebih kuat dan konsisten berbanding dengan kesaksian kerana tidak berubah, meskipun masa berubah dan pemilikinya telah 10 tahun meninggal dunia. Kesaksian berkemungkinan berubah apabila berubahnya masa seperti lupa atau saksi itu meninggal dunia.

Seksyen 56(1-6) ada menyatakan bahawa kaedah pengesahan dokumen boleh digunakan. Dalam seksyen 56(4) dokumen boleh disahkan melalui keterangan dua orang pakar. Dalam kes ini, saksi sukar untuk diperoleh, maka pengesahan dokumen elektronik yang dibuat oleh dua orang pakar sudah pun memadai. Pengesahan sesuatu dokumen elektronik dibuat dengan cara pemilik menurunkan tandatangan. Seperti sedia maklum, penggunaan tandatangan telah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW lagi bagi mengesahkan sesuatu dokumen.³¹ Bentuk tandatangan tidak ditetapkan oleh syarak dan tandatangan secara elektronik, termasuk dalam kategori yang diterima syarak seperti yang dinyatakan sebelum ini. Penghantaran duit sama ada secara dalam talian, cek atau deposit sudah tentu menggunakan tandatangan sama ada dengan cara lama, simbol atau kod tertentu. Dalam kes ini, sudah tentu tandatangan diturunkan oleh pihak pendeposit bagi menandakan persetujuan daripada pihaknya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif. Responden kajian terdiri daripada pengamal undang-undang, termasuklah hakim syarie, pegawai syariah, peguam syarie serta ahli akademik seperti pensyarah dan, pelajar syariah dan undang-undang di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan dipilih secara rawak untuk mewakili pembahagian yang adil (*fair division*) antara mahkamah rendah syariah dengan mahkamah tinggi syariah. Kaedah pemilihan responden dibuat secara rawak. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package of the Social Sciences (SPSS)*, manakala data kualitatif dianalisis menggunakan perisian komputer QSR NVivo. Keempat-empat

31 Muslim, 1998. *Sahih Muslim bi Syarhi Imam al-Nawawi*. Jilid 7. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 295.

kawasan ini dipilih kerana terdedah kepada arus kemodenan, khususnya yang berkaitan dengan dokumen atau perisian elektronik.

Kajian ini dijangka akan memberikan impak yang besar kepada sistem perundangan di Malaysia, iaitu cadangan mengemas kini prosedur perundangan untuk menyasat dan menyelesaikan kes yang berkaitan dengan penipuan dan pemalsuan dokumen. Selain itu, kajian ini berkemungkinan akan membawa pindaan terhadap peruntukan yang berkaitan dengan penerimaan dokumen sebagai kaedah pembuktian di mahkamah syariah di Malaysia.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Ciri Demografi Sampel

Kajian ini meliputi persepsi responden terhadap kebolehterimaan dokumen atau rekod elektronik sebagai bukti di mahkamah syariah. Jumlah keseluruhan 181 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang terdiri daripada hakim syarie, pegawai syariah, peguam syarie, pensyarah, serta pelajar syariah dan undang-undang di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Negeri Sembilan. Jadual 1 mewakili profil demografi kajian yang menunjukkan peratusan berdasarkan taraf pendidikan. Seramai sembilan orang (lima peratus) responden berpendidikan Ijazah Doktor Falsafah (PhD), seramai 24 orang (13.3 peratus) responden berpendidikan Ijazah Sarjana, seramai 119 orang (65.7 peratus) responden berpendidikan Ijazah Sarjana Muda dan seramai 29 orang (16 peratus) responden berpendidikan diploma, sijil, dan lain-lain. Seterusnya berdasarkan pekerjaan, seramai 78 orang (43.1 peratus) responden merupakan ahli akademik dan seramai 103 orang (56.9 peratus) responden merupakan pengamal undang-undang syariah.

Jadual 1 Profil demografi kajian.

| Demografi | Kekerapan | Peratusan (%) |
|--------------------------------|------------------|----------------------|
| <i>Taraf Pendidikan</i> | | |
| PhD | 9 | 5.0 |
| Sarjana | 24 | 13.3 |
| Sarjana Muda | 119 | 65.7 |
| Diploma, Sijil dan lain-lain | 29 | 16.0 |
| <i>Pekerjaan</i> | | |
| Pengamal Undang-undang Syariah | 78 | 43.1 |
| Ahli Akademik | 103 | 56.9 |

Persepsi terhadap Kebolehterimaan Dokumen Elektronik sebagai Bukti di Mahkamah Syariah

Analisis deskriptif yang melibatkan min dan sisihan piawai digunakan untuk menentukan persepsi responden terhadap kebolehterimaan dokumen atau rekod elektronik sebagai bukti di mahkamah syariah. Hasil analisis deskriptif tersebut adalah seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 Persepsi terhadap Kebolehterimaan Dokumen atau Rekod Elektronik sebagai Bukti di Mahkamah Syariah.

| Bil. | Pernyataan | Min | Sisihan Piawai | Interpretasi |
|-------------|--|------|----------------|--------------|
| 1. | Rekod atau dokumen digital boleh digunakan sebagai bahan pembuktian di mahkamah syariah. | 3.11 | 0.46 | Tinggi |
| 2. | Video (kamera, CCTV dan filem), mel elektronik, sistem pangkalan data, Sistem Mesej Singkat (SMS), mesej segera (IM= whatsapp, telegram, yahoo messenger dan sebagainya), serta audio (rakaman suara) boleh dikategorikan sebagai dokumen digital. | 3.18 | 0.48 | Tinggi |
| 3. | Rekod digital boleh dipercayai untuk dijadikan bukti di mahkamah. | 3.02 | 0.58 | Tinggi |
| 4. | Rekod digital yang digunakan di mahkamah perlu dibuat pengesahan oleh pakar terlebih dahulu untuk menjamin integriti rekod digital tersebut. | 3.34 | 0.59 | Tinggi |
| 5. | Perlu penguatkuasaan peraturan untuk tujuan pengesahan dokumen. | 3.32 | 0.52 | Tinggi |
| 6. | Perlu wujud Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk tujuan pengesahan dokumen. | 3.35 | 0.56 | Tinggi |
| 7. | Sebarang bentuk pemalsuan dokumen elektronik pada masa ini boleh dikenal pasti. | 3.09 | 0.65 | Tinggi |
| 8. | Bukti keterangan digital boleh digunakan dalam prosiding mal dan prosiding jenayah di mahkamah syariah. | 3.12 | 0.56 | Tinggi |
| 9. | Keaslian bukti digital hanya boleh dilakukan oleh pakar. | 3.20 | 0.59 | Tinggi |
| 10. | Terdapat peruntukan dalam undang-undang keterangan Islam mahkamah syariah untuk menerima pandangan pakar bagi menentukan keaslian dokumen digital. | 3.08 | 0.60 | Tinggi |
| Keseluruhan | | 3.18 | 0.38 | Tinggi |

Jadual 2 menunjukkan bahawa cadangan mewujudkan Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure (SOP)*) untuk tujuan pengesahan dokumen mencatatkan keputusan yang paling tinggi, iaitu min = 3.35 dan sp = 0.56. Sementara itu, cadangan agar rekod digital yang digunakan di

mahkamah perlu dibuat pengesahan oleh pakar terlebih dahulu untuk menjamin integriti rekod digital tersebut mencatatkan keputusan kedua tertinggi, iaitu $\text{min} = 3.34$ dan $\text{sp} = 0.59$, diikuti dengan perlunya penguatkuasaan peraturan untuk tujuan pengesahan dokumen tersebut yang mencatatkan $\text{min} = 3.32$ dan $\text{sp} = 0.52$. Sementara itu, persepsi responden terhadap pernyataan bahawa rekod atau dokumen digital boleh dipercayai untuk dijadikan bukti di mahkamah mencatatkan min yang paling rendah, iaitu 3.02 dan $\text{sp} = 0.58$. Secara puratanya, persepsi responden terhadap kebolehterimaan dokumen atau rekod elektronik sebagai bukti di mahkamah syariah berada pada tahap tinggi, iaitu $\text{min} = 3.18$ dan $\text{sp} = 0.38$.

Hasil tinjauan menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik sebagai bukti di mahkamah syariah tinggi dan yang paling tinggi ialah keperluan mewujudkan *SOP* untuk tujuan pengesahan dokumen. Manakala, persepsi responden terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik sebagai bukti di mahkamah syariah yang mencatatkan min yang rendah ialah rekod digital boleh dipercayai untuk dijadikan bukti di mahkamah. Secara umumnya, persepsi responden terhadap kebolehterimaan dokumen elektronik sebagai bukti di mahkamah syariah berada pada tahap yang tinggi. Keadaan ini menggambarkan sesuatu yang agak positif kerana pengamal undang-undang telah mula menerima keterangan secara elektronik. Keadaan yang tidak menentu terhadap penerimaan dokumen elektronik sebagai bukti sebelum ini adalah disebabkan kurangnya pendedahan terhadap tahap kebolehpercayaan dokumen elektronik sebagai bukti dalam mahkamah syariah. Kini, bantuan kepakaran yang diperoleh daripada pakar bagi mengesahkan keaslian sesuatu dokumen, termasuk yang berbentuk elektronik telah dapat meningkatkan tahap keyakinan mahkamah syariah terhadap kekuatan dokumen elektronik sebagai bahan bukti dalam pendakwaan.

KESIMPULAN

Syarak telah mengiktiraf dokumen elektronik sebagai kaedah pembuktian berdasarkan nas daripada al-Quran dan sunah. Mahkamah syariah juga menerima dokumen elektronik sebagai bahan bukti dengan merujuk seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi responden terhadap kebolehterimaan dokumen atau rekod elektronik sebagai bukti di mahkamah syariah berada pada tahap tinggi, iaitu $\text{min} = 3.12$ dan $\text{sp} = 0.56$. Namun,

kes *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*³² di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor menggambarkan pengetahuan dan keyakinan pengamal undang-undang di mahkamah syariah berkaitan dengan dokumen elektronik perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Pengamal undang-undang syariah perlu diberikan pendedahan dan latihan secukupnya berkaitan dengan dokumen elektronik. Mahkamah syariah perlu mengadakan usaha sama dengan agensi atau jabatan yang lebih terkehadapan yang berkaitan dengan dokumen elektronik seperti jabatan kimia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), CyberSecurity Malaysia, dan seumpamanya. Dengan cara ini, mahkamah syariah akan menjadi sebuah institusi yang dihormati, disegani dan yang paling penting diyakini kemampuannya untuk mengendalikan kes dengan adil.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob, 1995. *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abu al-'Az, Ali Muhammad Ahmad, 2008. *Al-Tijarah al-Elektroniyyan wa Ahkamuha fi al-Fiqh al-Islamiyy*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Ahmad Hidayat Buang, 1998. *Muamalat Islam di Mahkamah di Malaysia*. Universiti Malaya: Jabatan Syariah dan Undang-undang.
- al-Bahutiy, Mansur Yunus, 2000. *Kasyaf al-Qina'*. Juzuk 6. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muḥammad Ibn Isma'il, 1992. *Sahih al-Bukhari. Kitab al-Syahadah*. Cetakan Ketiga. Juzuk 3. Beirut: Dar al-Fikr wa al-Yamamah.
- al-Mawardiyy, Ali bin Muhammad bin Habib, 1982. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah*. Al-Qaherah: Musatafa al-Halabiy.
- al-Syīraziyy, Abū Ishaq Ibrāhīm ibn Ali, 1995. *Al-Muhazzab fī al-Fiqh al-Imām al-Syāfī*. Juzuk 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Zanibat, Ghaziyy al-Mubarak, 2005. *Al-Khibrah al-Fanniyyah fī Ithbat al-Tazwiir fī al-Mustanadat al-Khatiyyah Fannan wa Qanunan*, Amman: Dar al-Thaqafah.
- al-Zarqa', Mustafa Ahmad, 2007. *Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Dimasyq: Dar al-Qalam.

32 [1426H] XX JH I.

- al-Zuhaily, Muhammad, 1994. *Wasā'il al-Ithbāt fī al-Syaricah al-Islāmiyyah wa Mucamalāt al-Madaniyyah wa al-Awāl al-Syakhyyah*. Juzuk 2. al-Riyadh: Maktabah al-Mu'ayyad.
- Augustine Paul, 2010. *Evidence Practie and Procedure*. Selangor: LexisNexis Malaysia.
- Ibn 'Abidin, 1995. *Hasyiah Radd al-Mukhtar ala al-Dur al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*. Juzuk 5. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Farhūn, Muhammad, 1995. *Tasbirah al-Hukkām*. Juzuk 1. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Muflih, Muhammad, 2003. *Kitab al-Furu'*. Juzuk 11. Beirut: Mu'asasah al-Risalah.
- Ibn Nujaim, Zainuddin ibn Ibrahīm ibn Muḥammad, 2002. *Al-Baḥr al-Ra'iq Syarh Kunz al-Daqa'i*. Juzuk 7. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Ibn Qayyim, Mohammad bin Abi Bakar, 1991. *'Alām al-Muaqī'īn 'an Rabbi al-'Ālamīn*. Juzuk 2. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qayyim, Mohammad bin Abi Bakar, 2002. *Al-Turuq al-Hukmiyyah*. al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudāmah, 1996. *al-Mughni*. Juzuk 13. al-Qaherah: Dār al-hadīth.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad, 2001. *Majmu'ah al-Fatawa*. Juzuk 7. al-Mansurah: Dar al-Wafa'.
- Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM), 2008. *Talak dan Prosedur Perceraian*. Kuala Lumpur: Visual Print Sdn. Bhd.
- Jal Zabdi Mohd. Yusoff, 2008. *Pengenalan Undang-undang Keterangan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Mohamad Ismail bin Haji Mohamad Yunus, "Kedudukan Bahan Bukti (Exhibit) Elektronik dan Digital dalam Keterangan: Masalah dan Cabaran Masa Kini" dlm. *The Journal of Malaysian BAR(INSAF)* XXXV, 2006.
- Muhammad Fawwaz, 2008. *al-Wajiz fī al-Uqud al-Tijarah al-Eltroniyyah*. 'Amman: Dar al-Thaqafah.
- Muslim, Ibn al-Hujjaj al-Qushairiy al-Nisaburiy, 1997. *Sahih Muslim bi Syarhi Imam al-Nawawi*. al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Muslim, Ibn al-Hujjaj al-Qushairiy al-Nisaburiy, 1998. *Sahih Muslim bi Syarhi Imam al-Nawawi*. Jilid Ketujuh. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Tarmizi Abdul Rahim, "Cerai menerusi SMS sah, 24 Julai 2007" melalui <http://kes2syariah.blogspot.co.uk/2014/05/cerai-menerusi-sms-sah.html>.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, "Kaedah Pembuktian melalui Kitabah

- Elektronik di Mahkamah Syariah” dlm. *Jurnal Hukum* 33:2, 2011.
- Wan Abdul Fattah, Raja Raziff dan Norma, “Pengesahan Keaslian Dokumen
Urus Niaga Elektronik Menurut Fiqh dan Undang-undang Keterangan
Islam di Malaysia” dlm. *Jurnal Muamalat JAKIM* 6, 2013.
- Zaini Nasohah, 2004. *Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia*.
Kuala Lumpur: Percetakan Cergas Sdn. Bhd., hlm. 62.